


TIP-TIP MENINGGALKAN RUMAH TANGGA YANG BAHAYA



Tip-tip yang perlu sekiranya anda dan anak-anak berasa terancam dan perlu meninggalkan keadaan bahaya di rumah:

Simpan beg yang mengandungi barang-barang keperluan di tempat yang selamat dan tersembunyi seperti:

- * Sijil kelahiran anak-anak, lesen kereta, sijil perkahwinan, sijil sekolah
- * Wang, barang kemas, buku bank, kad ATM, kad kredit, pasport, polisi insurans
- * Pakaian
- * Telefon bimbit dan buku alamat
- * Kunci - rumah, kereta, pejabat, peti simpanan

Rancangan jalan yang selamat: Rancangan jalan selamat seandainya anda perlu meninggalkan rumah secara tiba-tiba. Sekiranya pintu rumah dikunci, pastikan anda mempunyai kunci ganti untuk meninggalkan rumah.

Simpan nombor telefon penting dengan anda setiap masa. Ini termasuklah nombor telefon saudara terdekat, rakan, polis dan hospital.

Fikirkan masa yang terbaik untuk meninggalkan rumah.

NOTA:

Rancangan untuk membawa anak-anak bersama sekiranya anda memutuskan untuk meninggalkan rumah. Sekiranya anda meninggalkan rumah tanpa membawa anak-anak, mungkin sukar bagi anda mendapatkan mereka kelak. Suami mungkin akan memaksa anda kembali ke pangkuannya dengan menjadikan anak-anak sebagai alasan.



TINDAKAN YANG BOLEH ANDA AMBIL

Di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, anda boleh mengambil tindakan-tindakan berikut:

1. Membuat laporan polis dan memohon IPO (Perintah Perlindungan Sementara).
2. Mendapatkan pemeriksaan perubatan di Jabatan Kecemasan & Trauma di hospital kerajaan.
3. Mendapatkan bantuan di Jabatan Kebajikan Masyarakat tempatan dan berjumpa dengan pegawai keganasan rumah tangga.

© Women's Centre for Change, Penang



MENGAPA RAMAI WANITA TERUS HIDUP DALAM KEADAAN BAHAYA DI RUMAH?

ALASAN-ALASAN OLEH WANITA:

SOSIO-EKONOMI

"Saya tidak dapat mencari kerja. Saya tiada wang untuk hidup sendiri dan menjaga anak-anak. Saya tidak boleh tinggalkan semua ini untuk mulakan hidup yang baru."

ANAK-ANAK

"Anak-anak memerlukan bapa mereka. Saya tidak mahu anak-anak menjadi mangsa rumah tangga yang berpecah belah."

TAKUT

"Dia mengugut untuk membunuh saya dan anak-anak sekiranya saya meninggalkannya. Dia akan mencari saya sekiranya saya melarikan diri."

MALU


"Ini adalah masalah keluarga saya. Saya tidak mahu orang lain tahu tentang perkara ini. Perkara ini memalukan keluarga saya."

CINTA

"Saya masih mencintainya. Apabila dia tidak bertindak ganas, dia OK. Saya sedang mencuba untuk mengubahnya."

IKRAR PERKAHWINAN

"Apabila saya berkahwin dengannya, ia adalah untuk seumur hidup. Biarlah menderita, saya harus menerima keburukan dirinya."



APABILA ADA PENDERAAN DI RUMAH



HUBUNGI ATAU LAWATI KAMI DI:
Pusat Kaedaran Wanita / Women's Centre for Change
241, Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang | Tel: 04-228 0342 / 011-5011 4001
Email: wcc@wccpenang.org | Laman Web: www.wccpenang.org

TAJAMAN



Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)
15 Lorong Sutera 6, Taman Sutera,
15700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
Tel: 04-988 8340/216-239 0895 Email: ppw@wccpenang.org



ADAKAH ANDA MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA?

- * Keganasan rumah tangga berlaku lebih kerap daripada yang kita sangkakan. Ramai wanita menderita akibat suami yang melakukan keganasan. **Keganasan dalam semua bentuk adalah salah.**
- * Keganasan rumah tangga adalah apabila seseorang ahli keluarga mendera ahli keluarganya. Pendera merasakan dialah yang berkuasa lalu bertindak ganas terhadap mangsanya.
- * Di Malaysia, keganasan rumah tangga merupakan suatu jenayah di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Adakah anda mengalami situasi keganasan berikut?

- () Suami memukul saya pada bila-bila masa yang dia suka.
- () Suami selalu marah dan menengking saya.
- () Apabila suami marah, dia akan membalik benda atau merosakkan barang-barang dalam rumah.
- () Suami tidak membenarkan saya menziarahi ahli keluarga dan kawan-kawan saya.
- () Saya tidak boleh menolak permintaan seksual suami. Dia akan marah dan bertindak ganas sekiranya saya menolak kehendaknya.
- () Saya terpaksa merayu kepada suami untuk mendapatkan wang. Dia mengawal perbelanjaan rumah dan memberi sedikit wang sahaja.
- () Suami selalu meminta wang daripada saya. Saya terpaksa memberi wang gaji saya kepadanya. Jika tidak dia akan marah lalu bertindak ganas.
- () Suami melarang saya keluar atau mencari pekerjaan.
- () Suami sangat cemburu apabila melihat saya berbual-bual dengan lelaki lain.



JENIS-JENIS KEGANASAN

Keganasan rumah tangga berlaku dengan pelbagai cara. Ini termasuk:

- * **PENDERAAN FIZIKAL**
Memukul, menolak, menumbuk, menampar, menendang, mencekik atau membaling objek terhadap anda.
- * **PENDERAAN EMOSI**
Menghinakan anda secara lisan atau membuat anda berasa tidak berharga.
- * **PENDERAAN SEKSUAL**
Memaksa anda mengadakan hubungan seks dengannya, menyerang bahagian seksual tubuh anda.
- * **PENGASINGAN**
Mengawal gerak-geri serta melarang anda menziarahi ahli keluarga serta rakan-rakan anda.
- * **UGUTAN**
Mengugut untuk mencederakan, menculik anda dan anak-anak anda, mengugut untuk membunuh dirinya.

KENAPA KEGANASAN RUMAH TANGGA BERLAKU?

KUASA DAN KAWALAN

Pendera selalunya mementingkan diri sendiri. Dia hanya memikirkan tentang keperluan diri sendiri dan tidak hiraukan perasaan orang lain. Dia cuba menggunakan pelbagai taktik untuk menguasai dan mengawal ahli keluarganya melalui keganasan. Dia membuat semua keputusan utama dan melayan isterinya dengan buruk.

FAKTOR SOSIAL

Pendera biasanya mempunyai idea yang tradisional tentang peranan lelaki dan wanita. Dia merasa bahawa wanita adalah orang bawahan kepada lelaki. Dia tidak dapat menerima hakikat bahawa wanita juga mempunyai hak untuk membuat keputusan tentang kehidupan mereka sendiri, misalnya bekerja.

FAKTOR KELUARGA

Pendera mungkin mengalami masalah psikologikal, terutamanya gangguan personaliti. Gangguan ini mungkin disebabkan oleh perubahan perasaan yang serius (mood swing), berbohong, masalah seksual, penyalahgunaan bahan (dadah, arak) atau cuba untuk membunuh diri.

FAKTOR PSIKOLOGIKAL

Pendera mungkin mengalami masalah psikologikal, terutamanya gangguan personaliti. Gangguan ini mungkin disebabkan oleh perubahan perasaan yang serius (mood swing), berbohong, masalah seksual, penyalahgunaan bahan (dadah, arak) atau cuba untuk membunuh diri.

KESAN KEGANASAN RUMAH TANGGA KE ATAS



KANAK-KANAK

- Ketakutan, rasa tidak selamat dan sikap bergantung kepada orang lain
- Kekesalan dan kebimbangan
- Masalah di sekolah (ponteng, pencapaian yang rendah)
- Kemarahan yang mendalam (yang mungkin membawa kepada kelakuan ganas)

MANGSA

- Perasaan rendah diri dan kurang keyakinan diri
- Masalah mental
- Rasa malu, bersalah dan takut
- Kesyukuran
- Kemurungan atau perasaan mahu membunuh diri

PENDERA

- Perpecahan keluarga
- Hukuman undang-undang
- Perpisahan / Perceraian

SEKIRANYA ANDA SEDANG DIDERA

- * Dapatkan bantuan dengan segera. Jangan biarkan ia berlarutan
- * Jangan berdiam diri. Beritahu seseorang tentang kejadian ini
- * Anda tidak bersalah dan tidak perlu hadapi semua ini dengan sendiri
- * Hubungi atau pergi ke organisasi wanita seperti WCC
- * Minta bantuan WCC sekiranya anda tiada tempat berlindung
- * Fahami bahawa pendera yang bertanggungjawab atas kelakuannya - bukan anda
- * Anda boleh dapatkan sokongan dari agensi-agensi yang berkenaan

